

02/02/1999

Keputusan laksana cukai keluar tidak lama lagi

SEPANG, Isnin - Kerajaan akan membuat keputusan dalam tempoh beberapa minggu lagi berhubung cadangan melaksanakan cukai keluar bagi membolehkan modal asing dibawa pulang lebih awal, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, keputusan itu bergantung kepada kajian dan cadangan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

"Bagaimanapun, cukai keluar ini haruslah memihak kepada kita (Malaysia) dan mereka (pelabur asing)," katanya pada sidang akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa (KLIA) di sini hari ini sekembalinya daripada menghadiri Forum Ekonomi Dunia di Davos, Switzerland.

Pelaksanaan cukai keluar itu adalah antara alternatif yang sedang diteliti kerajaan untuk memperbaiki sistem kawalan modal yang dilaksanakan sekarang.

Kerajaan memperkenalkan penangguhan sementara ke atas penghantaran balik modal daripada pelaburan ekuiti sejak 1 September lalu sebagai sebahagian langkah selektif pengawalan tukaran asing bagi mengawal spekulasi berlebihan terhadap pasaran saham dan ringgit.

Bagaimanapun, baru-baru ini Menteri Kewangan dan Menteri Tugas-Tugas Khas, Tun Daim Zainuddin, pada satu temuramah yang disiarkan sebuah akhbar asing berkata Malaysia menimbang rancangan melonggarkan syarat pegangan setahun terhadap modal asing di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang dikuat kuasa September lalu.

Daim dipetik oleh International Herald Tribune sebagai berkata, kerajaan bercadang menggantikan sekatan itu dengan sistem cukai keluar atau 'pelabur paling disenangi' bagi memberikan lebih kebebasan kepada pelabur jangka panjang di Malaysia.

Ditanya faedah pelaksanaan cukai keluar, Dr Mahathir berkata: "Bila kita dikenakan cukai keluar, kita akan mendapatkan sedikit wang daripada tabungan yang dibawa keluar itu.

"Tetapi jika kita tunggu sehingga tempoh setahun itu, mereka boleh membawa keluar tabungan itu tanpa membayar apa-apa kepada kita," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, beliau tidak fikir banyak wang akan dibawa keluar selepas tempoh pegangan setahun di BSKL berakhir 1 September ini.

"Saya tidak fikir ia akan berlaku begitu. Banyak yang akan masuk, bukannya keluar," katanya sambil menjelaskan kerajaan sedang berusaha membuat beberapa penyesuaian bagi menarik lebih ramai pelabur asing.

Dr Mahathir berkata, pengurus dana dan bank asing juga kini mula memahami tindakan kerajaan memperkenalkan peraturan kawalan pertukaran mata wang.

"Sebelum ini mereka sangka kawalan mata wang bermaksud tidak boleh membawa masuk dan keluar dari Malaysia.

"Saya menjelaskan tidak ada sekatan terhadap duit asing. Yang ada sekatan hanya duit Malaysia tidak boleh bawa keluar dan segala urusan perniagaan tidak terganggu," katanya sambil menjelaskan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew turut menyentuh perkara itu dan ramai yang menyokong tindakan Malaysia.

Perdana Menteri berkata, kekeliruan sebenarnya berlaku berikutan tindakan media dan penganalisis ekonomi asing membuat pelbagai jangkaan negatif, termasuk kononnya tindakan Malaysia akan merosakkan ekonomi negara dalam jangka panjang.

"Tetapi apabila kita sebut mengenai China yang sudah mengadakan sekatan sejak lama dan ekonominya tetap tumbuh pesat, mereka tiada komen.

"Kini perkara ini lebih difahami dan dihargai serta lebih banyak sokongan supaya diadakan sedikit kawalan atau pengawalan terhadap perdagangan mata wang.

"Yang tidak menyebut mengenai kawalan mata wang, selalunya sebut perlu ada ketelusan dalam urusan kewangan negara yang terbabit, tetapi apabila ditanya adakah dagangan mata wang itu telus, nampaknya mereka malu.

"Ini kerana mereka meminta orang lain telus, tetapi mereka sendiri tidak telus," katanya.

Mengenai cadangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk mengadakan panel bagi satu rangka kewangan yang baru, Dr Mahathir berkata, badan itu cuma bercadang, tetapi tidak faham apa yang perlu dibuat.

Dr Mahathir berkata, beliau sudah menjelaskan bahawa apa yang perlu ialah "urusan mata wang mestilah terbuka dan diadakan di tempat tertentu dengan laporan yang jelas supaya kita dapat tahu siapa yang berniaga, jumlahnya, mata wang apa dan negara mana."

Menurut beliau, bank juga tidak harus memberi hutang terlalu banyak sehingga 200 kali ganda modal bagi dana lindung nilai, sebaliknya memadai dengan hanya satu atau dua kali ganda.

"Dengan itu, dana lindung nilai tidak akan mempunyai terlalu banyak wang untuk membeli dan menjual mata wang asing sehingga menguasai dan berupaya menyebabkan ketidakstabilan di pasaran mata wang," katanya.

(END)